



PEROLEHAN SECARA TENDER TERBUKA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN TAWARAN

TARIKH IKLAN : 11 DISEMBER 2024 (Rabu)

Tawaran Tender adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF)** dalam kod bidang **050101** dan **050102** untuk mengambil bahagian di dalam tender seperti berikut:-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	HARGA DOKUMEN (RM)	TARIKH/MASA/TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIJUAL	SYARAT PENYERTAAN TENDER	TARIKH TENDER DITUTUP
<p>[FTA(CPTPP)] Tender Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji Dan Mentauliah Dua (2) Unit Peralatan Perubatan <i>Linear Accelerator</i> Bagi Jabatan Radioterapi Dan Onkologi, Institut Kanser Negara Untuk Tempoh Kontrak Dua (2) Tahun (Maklumat lanjut sila layari laman sesawang: https://www.moh.gov.my) dan <i>MyProcurement</i> [Tawaran petender dibenarkan dalam BM/ENG]</p> <p>No. Jadual T/P&P : 190/2024</p>	<p>500.00</p> <p>(Tidak akan dikembalikan)</p>	<p>Tarikh : 13 Disember 2024 (Jumaat)</p> <p>Masa : 9.30 pagi</p> <p>Tempat : Institut Kanser Negara</p>	<p>Dokumen Tender boleh diperolehi/dijual selepas taklimat/ lawatan tapak pada 17 Disember 2024 (Selasa) di alamat:</p> <p>Kaunter Tender Bahagian Perolehan dan Penswastaan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Aras 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan persekutuan, <u>62590 PUTRAJAYA</u></p> <p>pada waktu-waktu pejabat seperti berikut:</p> <p>Hari/masa:</p> <p>Isnin – Khamis 8.00 pagi - 1.00 ptg 2.00 ptg - 4.00 ptg</p> <p>Jumaat 8.00 pagi – 12.00 t/hari 2.45 ptg – 4.00 ptg</p>	<p>1) Petender DIWAJIBKAN untuk menghadiri sesi taklimat tender.</p> <p>2) Petender dikehendaki untuk mematuhi semua peraturan di bawah Akta Peranti Perubatan 2012 (Akta 737) dan mengemukakan salinan dokumen seperti berikut:</p> <p>i) Lesen <i>Establishment</i> dan</p> <p>ii) Sijil Pendaftaran Peranti Perubatan (MDA)</p> <p>3) Syarat menghadiri taklimat tender:</p> <p>Hanya Pegawai/ Pekerja yang diluluskan oleh Syarikat untuk Pengurusan Perolehan Kerajaan seperti di dalam Sijil Akaan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)/ Perakuan Pendaftaran Kontrak (PPK) SAHAJA yang boleh hadir ke sesi taklimat tender. Syarikat tidak dibenarkan mewakilkan pegawai lain. Pegawai/Pekerja yang diluluskan Syarikat wajib membawa DOKUMEN di atas bagi mengesahkan kehadiran ke sesi taklimat tender.</p>	<p>24 Januari 2025 jam 12.00 tengah hari</p>

4) Petender **HENDAKLAH** memiliki **Lesen Atom Kelas C di bawah Akta 304 Tahun 1984** yang dikeluarkan oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (sama ada dimiliki oleh prinsipal atau *tendering agent*).

5) Perolehan ini tertakluk kepada syarat CPTPP seperti berikut:

(i) Hak Kerajaan untuk mengadakan rundingan tidak dalam apa-apa cara jua mengikat Kerajaan menyetujui terima keputusan rundingan;

(ii) Pelawaan tender ini boleh dipertimbangkan perubahan (tambahan kuantiti/nilai kontrak) dan pelanjutan tempoh kontrak tidak melebihi 50% daripada nilai kontrak asal dan/atau maksimum dua (2) tahun tertakluk kepada peraturan semasa yang berkuat kuasa;

(iii) Harga yang ditawarkan pembida juga adalah tertakluk kepada penentuan Keutamaan Harga (*Margin Of Preference* - MOP); dan

(iv) Program Kolaborasi Industri (ICP) (jika berkaitan)

6) Sebarang pertanyaan berkenaan taklimat sila hubungi:

Cawangan
Perkembangan
Perkhidmatan
Perubatan,
Unit Sumber
Perubatan,
Bahagian
Perkembangan
Perubatan,
Kementerian

Kesihatan Malaysia.
No. Telefon : 03-8890
6045 / 03-8883 1130

Tempat serahan Dokumen Tender hanya di:

**KAUNTER TENDER
BAHAGIAN PEROLEHAN DAN PENSWASTAAN,
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA,
ARAS 7, BLOK E7, KOMPLEKS E, PRESINT 1,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
62590 PUTRAJAYA
No. Telefon : 03-8883 3022**

**DOKUMEN TENDER YANG LEWAT TIDAK AKAN DITERIMA.
KEMENTERIAN INI TIDAK BERTANGGUNGJAWAB DI ATAS SEBARANG
KELEWATAN PENGHANTARAN DOKUMEN TENDER MELALUI POS LAJU /
COURIER.**

Pihak tuan adalah dimohon untuk mematuhi Pekeliling Perbendaharaan (PP)/Perolehan Kerajaan (PK) 2.2 perenggan 5.7(iii) dan perenggan 15.1(viii) dibaca bersama PP/PK5.1 Lampiran 4 perenggan 9.2 yang memberi maksud untuk **TIDAK memaparkan nama syarikat pada dokumen teknikal.**

Kementerian Kesihatan Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun sebarang tawaran. Kementerian juga berhak untuk memilih keseluruhan atau sebahagian tawaran tender daripada mana-mana pembida yang menyertai tender.

Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dalam bentuk **Bank Draf atau Money Order sahaja** atas nama **Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia.**

BAYARAN MELALUI WANG TUNAI/CEK/WANG POS TIDAK DITERIMA.

**PEMBEKAL-PEMBEKAL YANG INGIN MEMBELI DOKUMEN TENDER
DIWAJIBKAN MEMBAWA SIJIL PENDAFTARAN KEMENTERIAN
KEWANGAN MALAYSIA YANG ASAL BESERTA SALINAN (TIDAK
DIKEMBALIKAN) UNTUK PENGESAHAN PENDAFTARAN**

**Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia**